

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**
[MARANG]

TARIKH : **18 MEI 2016**

SOALAN : **Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan negara-negara di Asia Tenggara bagi memastikan keamanan dan mengelakkan campur tangan kuasa asing yang boleh menggugat kestabilan di rantau ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Sebagai mana Dewan yang Mulia sedia maklum, Malaysia dan negara-negara jiran telah mewujudkan rangkaian kerjasama diantara penggubal-penggubal dasar negara untuk membangunkan kesedaran serantau di kalangan masyarakat Asia Tenggara. Sebagaimana yang telah termaktub dalam sejarah, penubuhan ASEAN pada tahun 1967 telah memberi sumbangan yang besar kepada pencegahan konflik di rantau ini.

3. Negara-negara di rantau Asia Tenggara juga telah memeterai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (Treaty of Amity and Cooperation) pada tahun 1976, dengan mengisytiharkan bahawa dalam hubungan sesama mereka, negara-negara perlu berpegang kepada prinsip asas iaitu saling menghormati kebebasan, kedaulatan, kesamarataan, keutuhan wilayah dan identiti kebangsaan setiap negara. Ia juga memberi penekanan tentang hak setiap negara untuk bebas dari campur tangan, subversi atau tekanan luar, tidak mencampuri urusan hal-ehwal dalaman negara-negara lain, menyelesaikan perselisihan atau sengketa secara aman, tidak menggunakan ancaman atau kekerasan, berkecuali dan menjalin kerjasama secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Tidak dapat disangkal, dasar-dasar ini telah berjaya membentuk rantau Asia Tenggara sebagai satu rantau yang paling stabil dan paling maju di dunia membangun. Ini secara tidak langsung telah menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai sebuah rantau yang berkepentingan strategik dan menarik minat kuasa-kuasa besar dunia.

5. Negara-negara Asia Tenggara menyedari hakikat bahawa dengan penglibatan aktif kuasa-kuasa besar di rantau ini, mereka juga perlu mengenakan pendekatan strategik untuk mengimbangi kepentingan kuasa-kuasa besar tersebut. Justeru itu, pembangunan dan pelaksanaan mekanisme ASEAN, seperti Perkongsian Dialog ASEAN, proses ASEAN Campur Tiga, Forum Serantau ASEAN (ASEAN Regional Forum) dan Sidang Kemuncak Asia Timur harus diperkukuhkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Meskipun ASEAN telah melebarkan rangkaian interaksi dengan pelbagai negara lain termasuklah kuasa-kuasa besar, namun kepentingan serantau tetap dilindungi oleh prinsip Kepusatan ASEAN (ASEAN Centrality), iaitu kepentingan bersama ASEAN yang menjadi tonggak hubungan luar ASEAN dan penglibatan ASEAN dengan mana-mana kuasa besar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 18 MEI 2016
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memastikan rumah mampu milik terutamanya di bandar-bandar besar memandangkan Presiden CUEPACS berkata hampir 70 peratus penjawat awam yang berumur 40 tahun tidak mampu untuk memiliki rumah kerana tidak mampu dengan harga yang ditawarkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mensasarkan pembinaan 1Juta unit Rumah Mampu Milik dalam tempoh 5 tahun untuk memenuhi keperluan rakyat secara keseluruhan, terutamanya di kawasan bandar-bandar besar. Sasaran pembinaan ini adalah digerakkan oleh sektor awam dan swasta termasuklah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai peneraju, Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Program Perumahan Awam 1Malaysia (PPA1M) dan beberapa agensi awam dan swasta yang lain.

Sehingga 31 Mac 2016, Kerajaan telah membina serta sedang menyiapkan sebanyak 397,766 unit Rumah Mampu Milik iaitu pecahan 183,755 unit telah siap dibina dan 214,011 unit sedang dalam pembinaan. Manakala sebanyak 309,571 unit rumah lagi dalam pelbagai peringkat perancangan yang terdekat untuk dimulakan pembinaannya.

Pembinaan Rumah Mampu Milik KPKT yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat merangkumi 3 program utama iaitu Program Perumahan Rakyat (PPR) , Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dan Skim *MyHome*. Sehingga 31 Mac 2016, sejumlah 18,744 unit rumah telah siap di bawah program-program ini. Manakala 17,833 unit rumah masih berada di pelbagai peringkat pembinaan dan baki sebanyak 14,212 masih di peringkat perancangan.

Di samping skim dan program di atas, KPKT juga menawarkan skim-skim lain yang dapat membantu rakyat untuk memiliki dan menyewa rumah.

Antara skim dan program yang disediakan ialah:

- (i) Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M);
- (ii) Program Bantuan Sewa Rumah dan Program Bantuan Perumahan Bandar; dan
- (iii) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit).

Kementerian ini akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan yang lain dan sektor swasta dalam memenuhi keperluan rakyat untuk

memiliki Rumah Mampu Milik di samping untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016